


Sekolah Popular di Malaysia

SEKOLAH KLUSTER PALING CEMERLANG



09595
DH

MOHD SHUKOR SALLEH


LOW
FOC

SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA

SEKOLAH KLUSTER PALING CEMERLANG

Amman

MOHD SHUKOR SALLEH
013 5287227



Terima Kasih
Tun
Jasamu dikenang
Selalu.




PUSTAKA PERDANA



1013985

© PUSTAKA EWAN



© PUSTAKA EWAN
Terbitan 2023

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubah suai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada PUSTAKA EWAN.

PUSTAKA EWAN
57-1, Jalan Pendidikan 3,
Taman Universiti,
81300 Skudai,
Johor Bahru, Johor.
TEL.: 019-3817468

Perpustakaan Data Pengkatalogan-
Negara Malaysia dalam-Penerbitan

Mohd Shukor Salleh, 1968-
SEKOLAH KLUSTER PALING CEMERLANG /
MOHD SHUKOR SALLEH.
(SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA)
ISBN 978-967-377-139-4 (set)
ISBN 978-967-377-135-6
1. Schools--Malaysia.
2. Boarding schools.
I. Judul. II. Siri.
371.009595

Dicetak oleh: SS GRAPHIC PRINTERS (M) SDN. BHD. (252774-K)

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

1 Sekolah Kluster 7

- Tujuan
- Pelaksanaan
- Kriteria Pemilihan Sekolah Kluster
- Prasyarat
- Syarat Pemilihan
- Autonomi Sekolah
- Jaminan Kualiti
- Impak Sekolah Kluster
- Sekolah Kluster Kecemerlangan
- Senarai Sekolah Kluster Kecemerlangan

2 Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin Ladang (SMASZAL), Kuala Terengganu, Terengganu 30

- Sejarah Penubuhan
- Pengasas
- Pemisahan Menengah Atas
- Pengembangan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin
- Akademi
- Senarai Alumni

3 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kerian (KeRiS TMUA) (Tahfiz Model Ulul Albab), Semanggol, Perak 34

- Sejarah Sekolah
- Landskap Sekolah
- Moto, Visi dan Misi Sekolah
- Kemasukan Pelajar
- Pencapaian Sekolah

4 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Hassan Haji Sail (SEMADAH), Pedas, Negeri Sembilan 38

- Sejarah Sekolah
- Falsafah Sekolah
- Visi, Misi dan Piagam Pelanggan
- Pencapaian Sekolah
- Kurikulum Bersepadu Tahfiz
- Punca Kuasa
- Latar Belakang
- Objektif
- Kepentingan Kurikulum Bersepadu Tahfiz
- Penetapan Sekolah
- Bahasa Pengantar Bagi Mata Pelajaran
- Jadual Waktu Persekolahan
- Struktur Organisasi
- Bantuan Geran Per Kapita
- Pentaksiran dan Pelaporan
- Guru SEMADAH
- Objektif TMUA

5 Sekolah Menengah Sains Muar (SAMURA), Tanjung Agas, Muar, Johor 49

- Kumpulan Pertama
- Pelbagai Pencapaian
- Ikrar Pelajar
- Moto Legacy
- Matapelajaran
- Persatuan Alumni Sekolah Menengah Sains Muar (ALUMNI SAMURA)

PENDAHULUAN

Buku siri *SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA* ini diterbitkan bagi mengisi pengetahuan para pelajar agar dapat mengenalpasti sekolah-sekolah yang cemerlang yang terdapat di negara ini. Kedudukan kecemerlangan ini akan berubah setiap tahun bergantung kepada keputusan peperiksaan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Keberkesanan sekolah atau sekolah cemerlang boleh diukur berasaskan output atau hasil persekolahan itu. Hasil ini berbentuk pencapaian dalam bidang akademik dan bukan akademik seperti kelakuan dan disiplin pelajar yang baik, sendiri dan sikap pelajar-pelajar yang baik, kepuasan kerja guru dan keadaan sekolah yang bersih dan ceria. Keberkesanan sekolah boleh diukur melalui proses iaitu proses pengurusan dan pentadbiran sekolah efektif, pewujudan iklim budaya sekolah yang positif untuk pengajaran-pembelajaran, hubungan yang mesra antara pihak pengurusan sekolah dengan guru, guru dengan guru dan guru dengan pelajar, dan guru dengan ibu bapa.

Keberkesanan sekolah juga boleh diukur bukan sahaja melalui kecemerlangan dalam pendidikan, tetapi dari aspek ekuiti (kesaksamaan) untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira kebolehan dari segi kognitif, fizikal pelajar, latar belakang taraf sosioekonomi (SES) ibu bapa pelajar, latar belakang agama, bangsa dan keturunan dan fahaman pelajar. Akhir sekali, keberkesanan sekolah boleh diukur dari segi kemajuan atau peningkatan dari segi kadar pencapaian akademik pelajar dari setahun ke setahun yang ditunjukkan melalui adanya nilai tambah (*value added*) kepada kebolehan pelajar.

Sekolah cemerlang atau sekolah berkesan mempunyai maksud yang sama. Di Amerika Syarikat dan di United Kingdom bagi sekolah cemerlang, ia menggunakan istilah sekolah berkesan (*effective school*), manakala di Malaysia menggunakan istilah sekolah cemerlang yang bermaksud sekolah yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar iaitu daripada pencapaian akademik yang rendah meningkat kepada pencapaian akademik yang tinggi. Menurut Hussein Mahmood (1993), sekolah cemerlang bukanlah sekolah yang established atau sekolah primer tetapi sekolah yang dapat menghasilkan pencapaian akademik yang tinggi, kurang menghadapi masalah disiplin dan mendapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat dan guru-guru meras puas hati bekerja.

Abdul Shukor Abdullah (1991) mengatakan bahawa sekolah cemerlang ialah sekolah yang mencapai tahap terbaik, bermutu dan terunggul dalam semua bidang berkaitan dengan akademik, sahsiah, pengurusan, perhubungan, infrastruktur dan kepemimpinan. Menurut Sharifah Md. Nor (2000) pula, konsep sekolah cemerlang berkait dengan kecemerlangan akademik; walau bagaimanapun guru-guru perlu menentukan perkembangan seimbang pelajar dan kemampuan pentadbir membantu guru menjalankan tugasnya dengan baik. Bagi membantu pelajar pula, sekolah cemerlang ialah sekolah yang mempunyai guru-guru yang boleh mengajar dengan berkesan supaya pelajarnya bijak, mempunyai sahsiah dan disiplin yang baik. Dalam situasi di USA, United Kingdom malah di Malaysia didapati tidak semua sekolah, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah boleh dikategorikan sebagai sekolah berkesan.

6 Sekolah Menengah Sains
Rembau (SEMESRA), Rembau,
Negeri Sembilan **53**

- Sejarah Sekolah
- Kemasukan Pelajar
- Misi dan Visi
- Lokasi
- Aktiviti
- Simbol
- Kediaman
- Lagu Sekolah

7 Sekolah Berasrama Penuh
Integrasi Temerloh (INSOFT) **58**

- Sejarah Sekolah
- Alumni
- Geografi
- Kakitangan Pentadbiran
- Sistem Pembelajaran dan Pengajaran dan Disiplin
- Kelas
- Sistem Majlis Perwakilan Pelajar
- Majlis Perwakilan Pelajar
- Lencana SBPI Temerloh
- Lagu Sekolah
- Ikrar Pelajar
- Kemudahan

8 Sekolah Menengah Sains
Johor (SMSJ), Kluang, Johor

- Sejarah Sekolah
- Aliran Menengah Rendah - Eminent 04
- Celestial 05
- Aliran Menengah Atas - Eminent 1418 dan Zenith 1519
- Pengetua
- Kemudahan Sukan
- Tema Sekolah
- Senarai Nama Batch SMSJ
- Kemudahan dan Kokurikulum Sekolah
- Lagu Sekolah
- Alumni Sekolah

PENDAHULUAN

Buku siri *SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA* ini diterbitkan bagi mengisi pengetahuan para pelajar agar dapat mengenalpasti sekolah-sekolah yang cemerlang yang terdapat di negara ini. Kedudukan kecemerlangan ini akan berubah setiap tahun bergantung kepada keputusan peperiksaan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Keberkesanan sekolah atau sekolah cemerlang boleh diukur berasaskan output atau hasil persekolahan itu. Hasil ini berbentuk pencapaian dalam bidang akademik dan bukan akademik seperti kelakuan dan disiplin pelajar yang baik, sendiri dan sikap pelajar-pelajar yang baik, kepuasan kerja guru dan keadaan sekolah yang bersih dan ceria. Keberkesanan sekolah boleh diukur melalui proses iaitu proses pengurusan dan pentadbiran sekolah efektif, pewujudan iklim budaya sekolah yang positif untuk pengajaran-pembelajaran, hubungan yang mesra antara pihak pengurusan sekolah dengan guru, guru dengan guru dan guru dengan pelajar, dan guru dengan ibu bapa.

Keberkesanan sekolah juga boleh diukur bukan sahaja melalui kecemerlangan dalam pendidikan, tetapi dari aspek ekuiti (kesaksamaan) untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira kebolehan dari segi kognitif, fizikal pelajar, latar belakang taraf sosioekonomi (SES) ibu bapa pelajar, latar belakang agama, bangsa dan keturunan dan fahaman pelajar. Akhir sekali, keberkesanan sekolah boleh diukur dari segi kemajuan atau peningkatan dari segi kadar pencapaian akademik pelajar dari setahun ke setahun yang ditunjukkan melalui adanya nilai tambah (*value added*) kepada kebolehan pelajar.

Sekolah cemerlang atau sekolah berkesan mempunyai maksud yang sama. Di Amerika Syarikat dan di United Kingdom bagi sekolah cemerlang, ia menggunakan istilah sekolah berkesan (*effective school*), manakala di Malaysia menggunakan istilah sekolah cemerlang yang bermaksud sekolah yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar iaitu daripada pencapaian akademik yang rendah meningkat kepada pencapaian akademik yang tinggi. Menurut Hussein Mahmood (1993), sekolah cemerlang bukanlah sekolah yang established atau sekolah primer tetapi sekolah yang dapat menghasilkan pencapaian akademik yang tinggi, kurang menghadapi masalah disiplin dan mendapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat dan guru-guru merasa puas hati bekerja.

Abdul Shukor Abdullah (1991) mengatakan bahawa sekolah cemerlang ialah sekolah yang mencapai tahap terbaik, bermutu dan terunggul dalam semua bidang berkaitan dengan akademik, sahsiah, pengurusan, perhubungan, infrastruktur dan kepimpinan. Menurut Sharifah Md. Nor (2000) pula, konsep sekolah cemerlang berkait dengan kecemerlangan akademik; walau bagaimanapun guru-guru perlu menentukan perkembangan seimbang pelajar dan kemampuan pentadbir membantu guru menjalankan tugasnya dengan baik. Bagi membantu pelajar pula, sekolah cemerlang ialah sekolah yang mempunyai guru-guru yang boleh mengajar dengan berkesan supaya pelajarnya bijak, mempunyai sahsiah dan disiplin yang baik. Dalam situasi di USA, United Kingdom malah di Malaysia didapati tidak semua sekolah, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah boleh dikategorikan sebagai sekolah berkesan.



SEKOLAH KLUSTER ialah satu jenama yang diberi kepada sekolah yang dikenali pasti cemerlang dalam klusternya daripada aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid. Pewujudan sekolah kluster bertujuan melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia dan membangun sekolah yang boleh dicontohi oleh sekolah dalam kluster yang sama dan sekolah lain di luar klusternya.

Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Princess Elizabeth merupakan salah sebuah sekolah kluster



Tujuan

Sekolah kluster diwujudkan bagi melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Pelaksanaan

Terdapat tiga jawatankuasa yang ditubuhkan bagi melaksanakan konsep sekolah kluster. Jawatankuasa tersebut ialah:

1	Jawatankuasa Pemilihan Sekolah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
2	Panel Penasihat dipengerusikan oleh Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abdul Rahman Arshad
3	Jawatankuasa Pelaksana dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Pelaksanaan sekolah kluster adalah berasaskan kepada proses desentralisasi yang melibatkan pengupayaan sekolah menerusi pemberian autonomi terpinjip. Pandangan pihak berkepentingan seperti PIBG, Alumi, pemimpin sekolah dan guru turut diambil kira dalam pelaksanaan sekolah kluster. Mereka telah terlibat secara langsung dalam Bengkel Autonomi Sekolah Kluster Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah diadakan pada 19-20 Mac

2007. Panel Penasihat Sekolah Kluster pula akan membantu menyumbangkan kepakaran mereka bagi memastikan pelaksanaan sekolah kluster dapat berjalan dengan jayanya.

► **Kriteria Pemilihan Sekolah Kluster**

Pemilihan sekolah kluster akan dibuat berdasarkan kepada kluster berikut:

1	Sekolah Rendah yang terdiri daripada Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Orang Asli.
2	Sekolah Menengah yang terdiri daripada Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Harian, Sekolah Premier, Sekolah Seratus Tahun, sekolah dalam persekitaran Putrajaya dan Cyberjaya, dan Sekolah Model Khas.
3	Sekolah Pendidikan Khas, iaitu Sekolah Rendah Pendidikan Khas (SPK), Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK), dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV).
4	Sekolah Antarabangsa dan Sekolah Swasta.
5	Institusi lepas menengah seperti Kolej Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru (IPG).

► **Prasyarat**

Sekolah mestilah mencapai sekurang-kurangnya taraf Cemerlang berdasarkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Bagi Sekolah Menengah, Gred Purata Sekolah (GPS) untuk peperiksaan awam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 3 tahun berturut-turut:

1	SBP: GPS 2.50 dan ke bawah
2	SMKA: GPS 3.00 dan ke bawah
3	SMT: GPS 4.00 dan ke bawah
4	SM Harian: GPS 4.00 dan ke bawah
5	SBP: GPS 2.50 dan ke bawah

Bagi Sekolah Rendah:

1	80% dan ke atas murid lulus semua mata pelajaran dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR);
2	Peratus kelulusan menunjukkan peningkatan, atau
3	GPS UPSR ialah 2.00 dan ke bawah dalam tempoh 3 tahun kebelakangan, berturut-turut.

Syarat Pemilihan

Berikut merupakan syarat pemilihan bagi sekolah kluster.

1	Kecemerlangan murid dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah.
2	Pengurusan sekolah berwawasan dan berkesan.
3	Pembangunan sumber terurus dan digunakan secara optimum.
4	Pemimpin sekolah mengamalkan kepimpinan berkualiti.
5	Pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.
6	Iklim sekolah kondusif untuk pembangunan modal insan.
7	Keberkesanan pelaksanaan program Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
8	Sekolah berperwatakan.

Autonomi Sekolah

Jenis autonomi yang diberikan kepada sekolah ialah:

1	Bentuk umum, untuk semua sekolah;
2	Bentuk khusus, mengikut keperluan sekolah berlandaskan kepada jenis sekolah, pengajiannya dan bidang kebitaraannya.

Autonomi yang diberikan juga merupakan autonomi terpinpin yang memerlukan kepada pematuhan piawai yang berikut:

1	Akta Pendidikan 1996;
2	Sistem Pendidikan Kebangsaan;
3	Akta Tatacara Kewangan 1957, Pekeliling Perbendaharaan, Garis Panduan dan Surat-surat Siaran; serta
4	SKPM.

Senarai Bidang Autonomi:

1	Pengurusan Sekolah
2	Pengurusan Sumber Manusia
3	Pengurusan Sumber Kewangan dan Sumber Fizikal
4	Pengurusan dan Pelaksanaan Kurikulum
5	Pengurusan dan Pelaksanaan Kokurikulum

Tahukah anda sekolah yang tertua di Malaysia? Apakah nama sekolah berasrama penuh menengah atas untuk semua pelajar lelaki dan semua pelajar perempuan sahaja? Apakah maksud SBP Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)?

Semua pertanyaan itu akan terjawab dengan membaca buku dalam siri **Sekolah Popular di Malaysia** ini. Siri ini diterbitkan untuk memberikan informasi kepada pelajar dan ibu bapa yang berhasrat menghantar anak-anak mereka ke sekolah berprestij di negara kita. Siri ini mempunyai empat buah judul yang memaparkan pelbagai informasi yang padat dan bermanfaat. Antaranya keistimewaan yang terdapat di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seperti peluang belajar bahasa antarabangsa seperti Arab, Jepun, Jerman, Perancis, Mandarin dan Korea. Malahan, untuk menarik minat para pembaca, cerita dalam siri ini disulami dengan gambar yang cantik serta perbendaharaan kata yang merangkumi pelbagai laras bahasa. Justeru, ibu bapa dan pihak sekolah mestilah mendapatkan siri ini sebagai bahan bacaan di rak buku kerana pembelian anda amatlah berbaloi. Selamat Membaca!

Buku-buku dalam siri ini ialah:



Sekolah Kluster Paling Cemerlang



Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Paling Cemerlang



Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Paling Cemerlang



Sekolah Menengah Sains Paling Cemerlang

